

**SOALAN NO: 62**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : RABU, 9 APRIL 2014**

**RUJUKAN : L14 [PR-1321-L60779]**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kilang simen (*batching plant*) yang berfungsi di dalam kawasan bandar adalah selaras dengan peraturan keselamatan Kementerian alam sekitar. Bolehkah sesebuah kilang simen (*batching plant*) beroperasi tanpa kelulusan pihak Kementerian.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, permohonan untuk mengusahakan Loji Pembancuh Simen (Batching Plant) perlu mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terlebih dahulu. Keperluan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) yang menetapkan bahawa semua pembangunan perlu mendapatkan kelulusan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Permohonan untuk mengusahakan Loji Pembancuh Simen dinilai kesesuaiannya berdasarkan Garis Panduan Perancangan DBKL. Di antara aspek-aspek yang diberi perhatian adalah:-

- a) ditempatkan di lokasi yang bersesuaian dari segi zon gunatanah;
- b) mempunyai jarak anjakan yang mencukupi dari bangunan-bangunan yang berhampiran termasuk mengadakan 'green buffer'; dan
- c) menyediakan kelengkapan yang mencukupi bagi menghalang berlakunya kacauganggu, pencemaran habuk, bunyi bising dan pelepasan air buangan.

Permohonan yang telah memenuhi keperluan kesesuaian lokasi akan diberi kelulusan oleh DBKL tertakluk kepada syarat-syarat di antaranya termasuklah:-

- a) Mendapatkan kelulusan dan mematuhi segala spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan;
- b) Bagi Loji Pembancuh Simen yang diusahakan secara komersil pemohon perlu mendapatkan kelulusan permit laluan lori bagi memastikan lori pengangkut simen hanya melalui laluan yang bersesuaian;
- c) Pemohon dikenakan deposit RM250,000 bagi setiap tapak loji pembancuh simen yang mana ianya boleh digunakan oleh DBKL bagi memperbaiki kerosakan dan memastikan kebersihan yang diakibatkan oleh loji operasi tersebut.

DBKL bersama-sama dengan agensi lain termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa memantau operasi Loji Pembancuh Simen supaya mematuhi segala syarat dan keperluan yang ditetapkan.